



Dr Mahathir bersama pemimpin pada Sidang Kemuncak ASEAN-Asia Timur (EAS) Ke-14 sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-35 di Bangkok, semalam.

(Foto BERNAMA)

Tawaran pampasan 1MDB

Kerajaan sedia rujuk mahkamah

SH - 5/11/2019 m/s: 2

Malaysia tak puas hati tawaran Goldman Sachs: Dr Mahathir

Dr Mahathir Mohamad, menegaskan kerajaan juga sanggup menunggu keputusan dibuat mahkamah walaupun terpaksa mengambil masa yang panjang.

“Jika tidak mencapai sebagai sebarang persetujuan (rundingan mengenai tawaran pampasan) maka kita kena rujuk kepada mahkamah.

“Kita kena terima walaupun ia mungkin mengambil masa lama di mahkamah. Kita menghormati keputusan mahkamah dan tidak akan mencampurinya kerana menghormati sistem kehakiman,” katanya pada sidang media selepas mengakhiri lawatan ke Thailand sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-35, di sini, semalam.

Dalam temu bual dengan *Financial Times* baru-baru ini, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata bahawa Goldman Sachs sudah menawarkan ‘kurang daripada

AS\$2 bilion’, jumlah yang Malaysia tidak berpuas hati.

Dr Mahathir turut mengulangi pendirian bahawa tawaran oleh bank pelaburan yang beribu pejabat di New York, Amerika Syarikat itu amat rendah berbanding kerugian AS\$7.5 bilion (RM31.16 bilion) yang terpaksa ditanggung.

“Mereka mungkin tidak akan membayar jumlah kerugian yang sudah dilakukan, tetapi apa yang mereka tawarkan amat rendah. Jadi, kita tidak terima tawaran mereka,” katanya.

Menurut artikel itu, Goldman Sachs membantu 1MDB untuk memperoleh bon bernilai AS\$6.5 bilion dan bank pelaburan antarabangsa itu didakwa memperoleh RM600 juta sebagai yuran daripada terbitan bon berkenaan.

Laporan itu juga menyebut Malaysia mendakwa dua bekas kakitangan Goldman memberi ra-

Kita kena terima walaupun ia mungkin mengambil masa lama di mahkamah. Ini kerana kita menghormati keputusan mahkamah dan tidak akan mencampurinya kerana menghormati sistem kehakiman.

**Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri**

sua kepada pegawai bagi menjamin pembabitan bank berkenaan dalam penerbitan bon terbabit.

Ini adalah kali pertama sebuah negara memfailkan pertuduhan jenayah terhadap firma utama perbankan pelaburan Amerika Syarikat itu.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir bagaimanapun tidak menyebut jumlah yang Malaysia akan terima kerana ia bergantung kepada rundingan dengan pihak berkenaan.

“Apa yang Goldman Sachs buat adalah salah. Mereka ambil 10 peratus komisen dan kemudian mengenakan bayaran enam peratus atas pinjaman kerajaan. Biasanya tiga peratus.

“Ini bermakna, jika kita pinjam 100 dolar, anda hanya dapat 90 dolar, tetapi anda kena bayar faedah bagi 100 dolar. Ia memberi kos yang tinggi kepada kerajaan,” katanya.

Bangkok

Abdul Razak Raaf

raaffar@mediaprima.com.my



Malaysia akan merujuk ke mahkamah jika rundingan dengan Goldman Sachs mengenai tawaran pampasan berhubung skandal 1Malaysia Development Berhad, (1MDB) menemui jalan buntu.

Perdana Menteri, Tun Dr Ma-